

## HARI MINGGU BIASA KE-21 (A)

Yesaya 22:19-23; Mazmur 137:1-3. 6. 8. S / ayat. 8; Roma 11:33-36  
Matius 16:13-20

Tema: **GEREJA SELAMATKAN KITA DARI NERAKA DAN MEMBAWA KITA KE SURGA**

1. Hari ini adalah Hari Minggu Biasa ke-21 dalam Tahun Liturgi A. Injil hari ini memberitahu kita bahawa Yesus memilih Petrus menjadi Paus pertama Gereja! Lebih penting, Injil memberitahu kita bahawa Gereja menyelamatkan kita dari neraka dan membawa kita ke surga! Justru itu kita baca:

**“Engkau adalah Petrus dan di atas batu ini Aku akan mendirikan GerejaKu. Dan alam maut tidak akan menguasainya. Aku akan memberi kepadamu kunci kerajaan surga; apa yang kau ikat di dunia akan diikat juga di surga dan apa yang kau lepaskan di dunia ini akan terlepas juga di surga.” (Mat 16:18-19; SM)**

Semua kita tahu bahawa Kristus mati pada Jumaat Agung dan bangkit dari kematian pada hari Minggu Paska! Tetapi tidak semua kita tahu apa yang Kristus lakukan pada hari Sabtu Suci! Pada hari Sabtu Suci Kristus pergi ke neraka untuk menyelamatkan Adam dan Hawa, ibubapa pertama kita! Ini dapat kita baca dalam “homili kuno mengenai Sabtu Suci” atas “Turunnya Tuhan ke api neraka” Bacaan doa untuk Sabtu Suci! Dengan itu dalam bacaan 1 Petrus 3:19 kita baca:

**“...dia pergi berkotbah dalam roh di penjara.” (NJBh)**

Dan dengan itu kita mengakui dalam Syahadat Para Rasul setiap hari Minggu:

**“.....disalibkan, wafat, dan dimakamkan; yang turun ke tempat penantian; pada hari ketiga bangkit dari antara orang mati...”**

Sekali lagi, Gereja menyelamatkan kita dari neraka dan membawa kita ke surga! Kuasa untuk “mengikat” dan “melepaskan” adalah kuasa Gereja untuk mengajar, untuk mengampuni dosa, untuk membebaskan dan penguasaan dari Gereja (excommunicate). (HCSB/NJBC)

Hari ini Paus Fransiskus adalah pengganti langsung Petrus, Paus pertama, dari rangkaian 266 Paus yang tiada putusnya! Dan Uskup kita adalah pengganti langsung dari Kedua Belas Rasul! Itulah sebabnya mengapa kita berdoa untuk Paus dan Uskup kita setiap hari dalam Misa Kudus! Tetapi kita juga harus berdoa untuk mereka di luar Misa Kudus!

2. Bacaan pertama menurut tema bacaan Injil. Bacaan pertama memberitahu kita bahawa Tuhan memanggil Elaykim untuk menjadi tuan di istana Raja Hezekial di Yudah yang hidup dalam abad ke-8 dan ke-7 sebelum Masihi (SM). Satu dari tugas sebagai tuan di istana raja adalah untuk membuka dan menutup pintu istana. Dengan itu kita baca dalam bacaan pertama:

**“Aku akan menaruh kunci rumah Daud ke atas bahunya; apabila ia membuka tidak ada yang dapat menutupnya, dan apabila dia menutupnya tidak ada yang dapat membukanya.” (Yes 22:22; SM)**

Bacaan pertama memberi gambaran dan ramalan kepada pemilihan Petrus untuk membuka dan menutup pintu kerajaan surga! Dengan itu kita baca:

**“Kepadamu akan Kuberikan kunci kerajaan surga! (Mat 16:19; SM)**

3. Mazmur antarbacaan adalah kesyukuran kerana penyelamatan! Mazmur antarbacaan mempunyai tiga rangkap. Rangkap pertama dan kedua adalah kesyukuran kepada penyelamatan (NJBC). Terutama, penyelamatan melalui Gereja Kristus! Rangkap ketiga, yang mana sahatan diambil, adalah ekspresi keyakinan dalam Allah dan doa memohon Allah untuk terus menyelamatkan kita! (HCSB) Terutama melalui Gereja Kristus! Justru itu kita menyahut tiga kali:

**“Kasih setia-Mu, ya Tuhan, tetap selama-lamanya, karya tangan-Mu takkan gagal.”  
(Mzm 137(138):8; SM)**

4. Bacaan kedua adalah sambungan dan penutupan bacaan kedua Minggu lalu. Ia adalah madah akan kebijaksanaan belas kasihan Allah dalam rencana penyelamatan-Nya! (NJBC/CSB) Bacaan kedua Minggu lalu memberitahu kita bahawa ketiadaan taat-setia orang-orang Yahudi telah membuat Allah memperlihatkan belas kasihan-Nya terhadap orang-orang bukan Yahudi dan cemburunya orang Yahudi terhadap orang-orang pagan membuat Allah memperlihatkan belas kasihan-Nya terhadap manusia sejagat! Begitulah kebijaksanaan belas kasihan Allah dalam rencana penyelamatan-Nya!

Tetapi madah itu berakhir dengan doxology/pujian kepada Allah, bukan kerana penyelamatan sahaja, tetapi juga kerana penciptaan! Justru itu madahnya berakhir:

**“Segala sesuatu diciptakan oleh Allah dan segala sesuatu berasal daripada Dia, dan untuk Dia. Terpujilah Allah selama-lamanya! Amen.” (Rm 11:36; SM)**

Hari ini, kita juga memberi kemuliaan kepada Allah, bukan sahaja kerana penyelamatan, tetapi juga kerana ciptaan! Kita dicipta menurut gambaran Allah untuk menjadi pencipta bersama dengan Allah untuk mencipta kehidupan dan bukan untuk memusnahkan kehidupan! Tetapi hari ini kita sedang memusnahkan kehidupan dan justru itu terjadi krisis ekologi dan kemusnahan alam sekitar! Tetapi ada juga kabar gembira!

Minggu depan, dari 2hb sampai 5hb September, di Katedral Sacred Heart, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia, Komisi Keadilan dan Damai dari Persidangan para Uskup Malaysia, Singapura dan Brunei akan bertemu kerana Ciptaan! Visinya adalah “Komuni bersama semua Ciptaan” dan misinya adalah “Pelayanan Ciptaan”!

Sains memberitahu kita bahawa Ciptaan dan Manusia adalah satu komuniti! Tetapi Ciptaan dan Manusia belum lagi dapat berkomuni! Ciptaan dan Manusia akan berkomuni apabila manusia menjadi pelayan kepada Ciptaan!

5. Hari ini kita bersyukur kepada Allah kerana Gereja-Nya, terutama kerana Paus dan para Uskup, dan kita terus berdoa untuk mereka seperti kita berdoa untuk mereka dalam setiap Misa Kudus! Hari ini kita juga bersyukur kepada Allah bukan sahaja kerana Penyelamatan-Nya tetapi juga kerana Ciptaan-Nya dan kita mohon kepada Allah agar dapat terus menjadi pelayan kepada Ciptaan agar kita dapat berkomuni dengan segala Ciptaan! Amen!

**Cadangan soalan-soalan untuk renungan individu dan untuk perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan-kumpulan kecil dan dalam komuniti-komuniti kecil:**

1. Apakah misi Gereja? Apakah misi Sri Paus dan para Uskup? Adakah kamu berdoa untuk Paus dan para Uskup walaupun di luar Misa Kudus?

2. Adakah kamu memberi kesyukuran dan pujian kepada Allah atas ciptaan? Adakah kamu berkomuniti dengan penciptaan? Adakah kamu berkomuni dengan ciptaan? Adakah kamu pelayan kepada ciptaan?

**Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,**

**Rujukan: New Jerusalem Bible (NJB); HarperCollins Study Bible (HCSB); New Jerome Biblical Commentary (NJBC); Catholic Study Bible (CSB); Sunday Missal (SM).**